


PROGRAM JELAJAH ILMU KUKUM KE MEDAN



DAPAT PUJIAN KONSULAT MALAYSIA

Konsul Jeneral Malaysia ke Medan, Encik Mohd Yussof A. Bakar telah memuji langkah yang diambil oleh Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dalam usaha menjalinkan hubungan kerjasama dengan universiti-universiti yang terdapat di Indonesia semasa menerima kunjungan KUKUM di pejabatnya di Jalan P. Diponegoro, Medan, Sumatera Utara pada 26 November lalu.

Encik Mohd Yussof berkata, langkah yang telah diambil oleh KUKUM dengan mengadakan pertemuan dengan Rektor dan Dekan Fakultas Teknik, Universitas Sumatera Utara (USU) dan Universitas Islam Sumatera Utara (UISU) sudah pasti akan membuka kepada hubungan kerjasama yang lebih meluas dalam pelbagai bidang dan memberi nilai tambah kepada kedua-dua belah pihak.

Beliau menyatakan Program Jelajah Ilmu KUKUM ke Medan di Sumatera Utara adalah tepat pada waktunya. Ia selaras dengan rancangan dan usaha pihak konsulat dengan kerjasama pihak Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (MATA) yang sedang giat

mempromosikan 'education tourism' ke Malaysia. Hasil dari kajian yang dijalankan oleh pihak konsulat mendapati pendidikan tinggi di Malaysia menerima respon yang cukup baik di kalangan warganegara Indonesia.

Rata-rata masyarakat di sana katanya lagi menganggap sistem pendidikan yang terdapat di negara ini amat tinggi dan berkualiti. Apa yang menjadi keutamaan pihak konsulat sekarang ini adalah untuk menarik pelajar-pelajar lepasan Sekolah Menengah Atas (SMA) Indonesia untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di universiti-universiti tempatan di Malaysia.

Para mahasiswa mahasiswi Indonesia sebelum ini hanya cenderung memilih Malaysia sebagai destinasi pendidikan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah sahaja sebelum ini. Hasil dari kempen promosi yang dijalankan terdapat maklum balas yang positif di kalangan para pelajar di sana untuk memilih Malaysia sebagai destinasi pendidikan bagi peringkat ijazah pertama.

Konsul Jeneral Malaysia itu juga bersedia membantu KUKUM untuk terus melebarkan sayap hubungan kerjasama dengan mana-mana universiti yang terdapat di Pulau Sumatera. Beliau mencadangkan agar KUKUM tidak hanya memfokuskan universiti yang terdapat di Medan sahaja tetapi skop propinsi yang lebih luas seperti di Aceh, Jambi dan Padang untuk langkah yang selanjutnya.

Rombongan KUKUM seramai 35 orang yang terdiri dari pensyarah, pegawai dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KUKUM telah diketuai oleh Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM. Program Jelajah Ilmu Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia ke Medan telah berada di sana selama empat hari. Selain mengadakan lawatan ke USU dan UISU, rombongan juga telah berkesempatan melawat Kampung Peninggalan Sejarah Batak di Perkampungan Tomok dan Ambarita di Tasik Danao Toba yang terletak di Pulau Samosir, kira-kira 176km ke selatan dari Bandar Medan.